


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-37	As-Shaffat	182	5	Makkiyyah	Ke-56	5



Zaman Diturunkan

Besar sekali kemungkinan Surah as-Shaffat diturunkan di bahagian terakhir peringkat ketiga kehidupan Rasulullah s.a.w. di Mekah antara tahun ke-6 hingga ke-10 Kenabian, pada ketika itu Surah Fathir dan Surah Yasin telahpun diturunkan, pada ketika itu juga orang-orang musyrikin Mekah yang percaya para malaikat adalah anak-anak perempuan tuhan menolak seruan tauhid yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. dan memperolok-olokkannya. Mereka menuduh Rasulullah sebagai tukang sihir, mereka juga berkata: “Bagaimana kita boleh tinggalkan tuhan-tuhan kita kerana seorang penyair yang gila?”. Maka mereka difahamkan tentang sejarah seruan para nabi di sepanjang sejarah, para nabi yang disifatkan sebagai مُخْلِصٍ dan مُؤْمِنٍ. Mereka diseru supaya memilih aqidah tauhid yang murni.

Antara Ciri Khusus Surah As-Shaffat

Di dalam Surah as-Shaffat juga ada ayat tarji` yang diulangi berkali-kali iaitu كَذَلِكَ، إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ, di dalam Surah as-Shaffat juga ada ayat tarji` yang diulangi berkali-kali iaitu كَذَلِكَ، إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ, di dalam Surah as-Shaffat juga ada ayat tarji` yang diulangi berkali-kali iaitu كَذَلِكَ، إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ, di dalam Surah as-Shaffat juga ada ayat tarji` yang diulangi berkali-kali iaitu كَذَلِكَ، إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ. Lafaz سلام juga berkali-kali tersebut di dalamnya.

Perkaitan Surah As-Shaffat Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah Yasin dikatakan bahawa Rasulullah adalah salah seorang rasul إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ, di dalam Surah as-Shaffat ini pula diceritakan tentang sumbangan para rasul dalam menyebarkan ajaran tauhid dan menegakkannya. Khidmat para rasul itu dihargai dan disanjung dengan ucapan عَلَى سَلَامٍ. المُرْسَلِينَ.
2. Penafian ibadat kepada para malaikat yang tersebut di dalam Surah Fathir, di dalam surah ini disebutkan dengan lebih jelas dan terbuka lagi.
3. Di dalam Surah as-Shaffat disebutkan khidmat dan sumbangan 9 orang nabi iaitu Nabi Nuh, Ibrahim, Isma'il, Ishaq, Luth, Musa, Harun, Ilyas dan Yunus. Di dalam Surah Shad selepasnya pula disebutkan sifat 3 orang nabi iaitu Nabi Daud, Sulaiman dan Ayyub.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Kepercayaan orang-orang musyrikin Mekah bahawa malaikat adalah anak-anak perempuan Allah ditolak di dalam surah ini.

(a) Di dalam ayat pertama surah lagi telah dikemukakan sumpah Allah dengan menggunakan para malaikat yang berdiri bersaf-saf sebagai menyatakan kesediaan dan siap siaga mereka dalam mematuhi dan menjunjung titah perintah Allah. Keadaan mereka itu membuktikan Allah tidak mempunyai sekutu dalam mengatur dan mentadbir alam ciptaannya. (Ayat: 1).

وَالصَّافَّاتِ صَفًّا ١

(b) Perkara yang sama diulangi di dalam ayat ke-164 hingga 166 (Ayat: 165).

وَأَنَا لَنَحْنُ الصَّادِقُونَ ﴿٣٥﴾

2. Surah ini juga membuktikan kebenaran aqidah tauhid bahawa para malaikat tidak berkongsi dengan Allah dalam sifat uluhiyyahNya.

(a) Di dalam ayat ke-4 dengan jelas disebutkan bahawa tuhan manusia hanya satu (Ayat: 4).

إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ﴿٤﴾

(b) Dikatakan tentang pemimpin-pemimpin musyrik bahawa mereka bersikap sombong dan angkuh dalam menghadapi seruan tauhid (Ayat: 35).

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾

(c) Orang-orang musyrikin ditanya: “Adakah kamu mahu lagi tuhan-tuhan yang lain selain Allah?” (Ayat: 86).

أَفَبَكَاةَ إِلَهَةٍ دُونَ اللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾

3. Menggunakan perkataan فاستفتيهم, pegangan dan kepercayaan orang-orang musyrikin dibantah.

(a) Tanyalah mereka, menjadikan manusia itu lebih sukar atau benda-benda lain seperti bukit dan sebagainya? Bukankah manusia hanya dijadikan daripada tanah liat? (Ayat: 11).

فَاسْتَفْتِهِمْ أَهَمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمْ مَنِ خَلَقْنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ لَّازِبٍ ﴿١١﴾

(b) Tanyalah mereka, adakah mereka lebih layak mendapat anak lelaki dan Allah hanya layak mempunyai anak-anak perempuan? (Ayat: 149).

فَاسْتَفْتِهِمْ أَلِرَبِّكَ الْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبَنُونَ ﴿١٤٩﴾

4. Tuduhan orang-orang musyrikin Mekah terhadap Rasulullah.

Dinukilkan bahawa mereka berkata: “Adakah patut kita meninggalkan tuhan-tuhan kita kerana penyair gila ini?” (Ayat: 36).

وَيَقُولُونَ أَإِنَّا لَتَارِكُوا آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَجْنُونٍ ﴿٣٦﴾

5. Di dalam surah ini sebanyak 5 kali digunakan lafaz عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ, para nabi itu مخلص dan juga مخلص.

Mereka memilih tauhid yang خالص (suci) dan Allah pula memilih mereka sebagai orang-orang yang suci disisiNya, mereka adalah hamba-hamba Allah yang patuh dan setia (Ayat: 40, 74, 128, 160 dan 169).

6. Perkataan الْمُحْسِنِينَ pula digunakan sebanyak 4 kali di dalam surah ini untuk menunjukkan para nabi

adalah penda'wah, penyampai ajaran Allah kepada manusia (مبلغ), baik صالح dan mereka adalah orang-orang yang beramal dengan ajaran yang dibawanya dalam keadaan paling sempurna.

Dan sudah menjadi sunnatullah bahawa Allah memberi ganjaran kepada manusia sesuai dengan iman dan amalannya (Ayat: 80, 110, 121, 131).

7. Perkataan الْمُؤْمِنِينَ digunakan sebanyak 4 kali di dalam surah ini.

Ia menunjukkan para nabi adalah orang-orang yang sempurna imannya, mereka tidak menyengutukan Allah dengan sesuatu yang lain, mereka adalah hamba-hamba Allah yang taat dan kuat beribadat. Setelah menyebutkan nama-nama Nabi Nuh, Ibrahim, Musa, Harun dan Ilyas, Allah berfirman berkenaan dengan mereka إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ (Ayat: 81, 111, 122 dan 132).

8. Di dalam surah ini perkataan سَلَامٌ digunakan sebanyak 5 kali.

Ia mengisytarkan kepada keselamatan para rasul dan kebinasaan penentang-penentang mereka. Setelah menyebutkan nama 5 orang nabi, mereka dihargai dan disanjung tinggi, usaha mereka dan sekalian para rasul untuk menyebarkan da'wah tauhid dihargai dengan ucapan salam untuk mereka.

(a) (Ayat: 79).

سَلَامٌ عَلَى نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ ﴿٧٩﴾

(b) (Ayat: 109).

سَلَامٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ﴿١٠٩﴾

(c) (Ayat: 120).

سَلَامٌ عَلَى مُوسَى وَهَارُونَ ﴿١٢٠﴾

(d) (Ayat: 130).

سَلَامٌ عَلَى مُوسَى وَهَارُونَ ﴿١٣٠﴾

(e) (Ayat: 181).

وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾